

# Mahathir Peluang kalangan muda di dalam UMNO

ALOR SETAR, Isnin. — Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed menyatakan, kalangan muda sekarang tetap mempunyai peluang dan tempat di dalam UMNO sekiranya mereka menunjukkan minat dan menyertai pertubuhan itu.

Katanya, golongan yang memimpin UMNO sekarang tidak berniat untuk membolot atau kekal terus di dalam UMNO "tetapi orang-orang yang hendak mengambilalih itu biarlah yang dapat mengekalkan dasar dan perjuangan UMNO.

Selagi UMNO yang menjadi teras kepada Barisan Nasional kukuh dan mendapat sokongan dari orang-orang Melayu, sistem pemerintahan secara demokrasi di negara ini dapat dikekalkan.

Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia berkata demikian sewaktu meresmikan perayaan ke 30 tahun UMNO Bahagian Jerai di Sekolah Guar Chempedak, 20 batu dari sini, petang semalam.

Beliau mengingatkan Generasi yang berpelajaran tinggi supaya jangan berbangga dan bermegah, sebaliknya hendaklah mencurahkan ilmu tersebut secara bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang.

Dr. Mahathir menambah, UMNO yang sudah berusia 30 tahun dan kekal hingga ke hari ini adalah kerana semangat dedikasi dan sanggup berkerja yang ditunjukkan oleh pemimpinnya.

Menyentuh kekurangan golongan terpelajar menyertai UMNO, Dr. Mahathir menyatakan, ini adalah kerana mereka kurang mendapat penerangan dan belum begitu memahami isi perjuangan dan dasar-dasar UMNO.

"Saya percaya sekiranya mereka ini benar-benar mengerti dan diberi penerangan yang secukupnya mereka akan tertarik untuk menceburkan diri dalam UMNO katanya.

Ketibaan Dr. Mahathir dan isterinya Dr. Siti Hasnah telah diberi sambutan yang meriah.

Turut hadir Dato Nahar Shahabuddin yang mewakili Datuk Menteri Besar Kedah.